

RENUNGAN KENDIRI

oleh Norlia Molinka, KDC PM/SN (R)

Pada tahun ini saya telah menjalani praktikum di SK Salimpodon selama enam bulan. Pada hujung Jun saya kembali ke SK Nibang, Pitas.

Apabila saya kembali ke SK Nibang, guru besar yang baru saya kenali (guru besar yang lama telah bertukar) mengarahkan saya untuk menjadi guru kelas dan guru Bahasa Melayu Tahun 1. Saya tidak menolak kerana tugas itu menjadi tugas utama saya tahun-tahun yang lalu. Hal ini demikian kerana semua guru tidak suka dengan kelas ini.

Pertama kali saya masuk ke kelas, saya hampir-hampir menitiskan air mata melihat murid-murid kecil yang selama enam bulan pengajaran dan pembelajaran mereka terabai. Murid-murid kelas ini tidak pernah mendapat pendidikan prasekolah. Guru yang masuk ke kelas ini selama ini ialah guru Bahasa Melayu Tahun 6. Menurut beliau, selama ini dia hanya memberikan lembaran kerja menyalin abjad dari A hingga Z kerana dia terpaksa menumpukan perhatian yang lebih kepada murid-murid tahun 6.

Guru besar seakan-akan menyalahkan saya kerana menjalani praktikum di sekolah lain. Menurut beliau, masalah perhubungan (tiada jalan raya) bukannya masalah saya tetapi masalah pensyarah.

Saya semakin kecewa memikirkan hal ini. Kelemahan murid-murid tahun 1, iaitu langsung tidak tahu membunyikan suku kata, menurut mereka berpunca daripada saya. Enam bulan yang lalu murid-murid hanya belajar menulis setiap hari tanpa membaca.

Sejak kehadiran saya kembali di sini (Julai) saya menekankan bacaan. Setiap hari saya mengajar murid membaca dengan kaedah fonik di sekolah dan memberikan kerja bertulis (menyalin perkataan), sebagai kerja rumah.

Saya sangka masalah ini dapat diatasi dengan usaha saya ini. Rupa-rupanya tidak. Terdapat murid yang tidak menyiapkan kerja rumah mereka. Apabila ditanya, ada antara mereka yang menjawab: diganggu oleh adik, gelap (tiada elektrik) dan tidak kurang juga yang mendiamkan diri.

Terdapat pula ibu bapa yang mengatakan saya tidak mengajar apabila mendapati buku latihan anak mereka kosong. Mereka tidak tahu bahawa anak mereka tidak menyiapkan kerja mereka dan sewaktu di dalam kelas saya menekankan aktiviti bacaan.

Fikiran saya semakin buntu. Saya semakin tertekan. Saya tidak pernah menghadapi peristiwa seperti ini. Ketidakhadiran saya di sekolah ini selama enam bulan mengundang masalah yang banyak terhadap diri saya. Semoga saya dapat mencari jalan penyelesaiannya kelak.

Ulasan Pensyarah

Renungan ini menarik perhatian saya. Saya sangat menghargai kesediaan Cikgu Norliah berkongsi pengalamannya dengan kita semua. Saya percaya pengalaman ini menambah kematangan Cikgu Norliah. Ini hanya sebahagian kecil daripada cabaran yang mesti kita hadapi dalam profesion kita yang berliku-liku.

Guru Bahasa Melayu Tahun 2 pada tahun 2005 di SK Nibang, Pitas berpeluang mengubah situasi yang berlaku pada tahun 2004 ketika murid-murid itu berada di tahun satu. Masalah yang sudah digambarkan dalam tulisan ini perlu **ditinjau** dengan lebih mendalam. Tinjauan yang sistematik perlu dilakukan dari sudut prestasi murid, peranan guru mata pelajaran, peranan ketua panitia, peranan pengurus sekolah dan peranan ibu bapa. Prestasi murid dari segi membaca dan menulis perlu diperinci. Antaranya, satu ujian untuk menentukan tahap prestasi murid boleh diadakan pada awal Januari 2005. Analisis ujian itu, renungan lebih lanjut oleh Cikgu Norliah, hasil perbincangan dengan pihak yang berkaitan seperti murid sendiri, rakan sejawat dan pengurus sekolah dapat dijadikan asas untuk merancang tindakan yang sesuai.

Seterusnya, sebaik-baiknya setelah diwujudkan pasukan yang terdiri daripada seorang atau dua orang guru yang mengajar di kelas itu, **rancanglah** tindakan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi murid tahun 2 itu. Catatkan objektif setiap rancangan dengan jelas. Adakan jadual kerja. Sebaik-baiknya sediakan *proposal* bertulis.

Rancangan ini hendaklah **dilaksanakan** mengikut jadual. Penglibatan oleh pihak-pihak lain seperti rakan sejawat, pengurus sekolah dan ibu bapa perlu dipastikan berterusan. Catatkan perkara-perkara yang dilakukan dan perkembangannya. Kumpul bukti-bukti pelaksanaan rancangan seperti lembaran kerja murid, gambar dan catatan temu bual dengan murid, rakan, pengurus sekolah dan ibu bapa.

Apabila tindakan itu selesai, mungkin pada bulan Jun 2005, analisislah bahan-bahan yang diperoleh semasa pelaksanaan dan kemudian tuliskan **refleksi**. Nyatakan sama ada objektif yang ditetapkan tercapai atau tidak. Kemukakan bukti dan buat ulasan. Lakukan kesimpulan sama ada pelaksanaan rancangan itu berjaya atau tidak. Butirkan faktor-faktor kekuatan dan kelemahannya. Kemukakan pandangan ringkas untuk tindakan seterusnya.

Laporan tinjauan, perancangan tindakan, pelaksanaan tindakan dan refleksi selepas tindakan sebaik-baiknya diserahkan kepada pengurus sekolah, Penyelaras PKG dan pihak ibu bapa yang mewakili PIBG. Alangkah bertuahnyanya saya jika saya juga diberikan satu salinan laporan itu!

MIR, 1 Disember 2004